



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,121 kes** (484,787 kes kumulatif, 85.7%);
- Kes baharu : **6,999 kes** (565,533 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (3 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,995 kes** [6,385 warganegara (91.3%); 610 bukan warganegara (8.7%)];
- Kes aktif : **78,017 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **846 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **419 kes**;
- Kes kematian : **79 kes** (2,729 kes kumulatif, 0.48%; 78 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,163 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,528 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **635 kluster**.

Sebanyak **79 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan masing-masing **15 kes** di Selangor dan Negeri Sembilan, **13 kes** di Kedah, **12 kes** di Johor, **lima (5) kes** di Pulau Pinang, masing-masing **empat (4) kes** di Terengganu dan Melaka, masing-masing **tiga (3) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak, **dua (2) kes** di Sabah, dan masing-masing **satu (1) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, Perak, dan Pahang.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

SITUASI SEMASA SISTEM KESIHATAN DI MALAYSIA DAN PERANAN SEMUA PIHAK DALAM SAMA-SAMA MENDEPANI KRISIS BERHADAPAN DENGAN COVID-19

Seperti yang KKM telah maklumkan kepada umum, penularan COVID-19 semakin meruncing. Nilai Rt negara terkini adalah 1.16 dan jumlah kes dilaporkan saban hari menunjukkan tren kenaikan yang mendadak secara *exponential*. Kenaikan satu ribu sehingga dua ribu kes sehari adalah tidak mustahil. Kita telah melihat jumlah kes kematian tertinggi harian iaitu sebanyak

98 kes pada 29 Mei 2021 akibat COVID-19. Situasi ini juga mungkin akan berterusan dan tidak mustahil boleh terus meningkat lagi.

Jumlah katil di Unit Rawatan Rapi, hospital-hospital COVID-19, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 semakin berkurangan dan berkemungkinan tidak mencukupi. KKM juga telah memberi amaran kemungkinan berlaku situasi di mana para doktor akan terpaksa membuat pilihan sukar untuk mengutamakan katil ICU bagi pesakit yang mempunyai potensi sembuh yang lebih tinggi berbanding pesakit yang potensinya adalah lebih rendah (*poor prognosis*).

Ini adalah situasi sukar yang mendepani kita semua, dan KKM ingin menyeru semua pihak agar kita sama-sama berganding bahu bagi hadapi sekarang.

Semua pihak perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab, tidak kira Kerajaan, agensi-agensi berkaitan dan juga rakyat secara keseluruhannya.

1. Peranan Kerajaan:

a. KKM menyambut baik pengumuman keputusan Sidang Majlis Keselamatan Negara yang telah diperincikan oleh Yang

Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan sebentar tadi. Ini adalah antara tindakan yang diperlukan bagi membantu memutuskan rantai penularan COVID-19.

b. Kawalan sempadan dan pintu masuk antarabangsa yang ketat bagi memastikan negara terlindung daripada pelbagai varian virus SARS-CoV-2 yang baharu yang terus menular di pelbagai negara. Sekatan bagi negara-negara tertentu diteruskan, tempoh kuarantin bagi penumpang yang tiba dari luar negara juga telah dipanjangkan. Tempoh kuarantin ini akan dilanjutkan kepada 21 hari berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan. Misalnya tempoh kuarantin bagi lima (5) negara berisiko tinggi seperti India, Pakistan, Sri Lanka, Nepal, dan Bangladesh adalah selama 21 hari. Mereka yang tiba dari luar negara akan dikuarantin di stesen kuarantin yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan.

c. Meningkatkan aktiviti-aktiviti Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bersama agensi-agensi Kerajaan dan swasta untuk mencapai liputan imuniti kelompok (*herd immunity*) di Malaysia.

2. Peranan Rakyat Malaysia:

- a. Duduk di rumah setiap masa.
- b. Sekiranya perlu keluar untuk sebarang urusan penting, lindungi diri dengan memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan sekurang-kurangnya dua (2) minit atau menggunakan *hand sanitizer*.
- c. Ringkasan nasihat kepada orang ramai mengenai pemakaian pelitup muka:
 - **WAJIB** mengenakan sekurang-kurangnya satu lapis pelitup muka di tempat awam (jenis perubatan atau fabrik). Pelitup muka 3 lapis perubatan menawarkan perlindungan yang lebih baik.
 - **SANGAT DIGALAKKAN** mengenakan pelitup muka berganda terutama di tempat awam yang sesak dan kurang pengudaraan, iaitu satu (1) pelitup muka perubatan (*3-ply medical/surgical mask*) di bahagian dalam DAN satu (1) pelitup muka fabrik di luar.
 - **DINASIHATKAN** juga untuk mengenakan pelindung muka (*face shield*) bersekali dengan pelitup muka berganda di KAWASAN AWAM RISIKO TINGGI untuk perlindungan tambahan (misalnya hospital/klinik, kawasan awam yang sesak, kawasan kurang pengudaraan)

- d. Jalani pemeriksaan segera **sekiranya bergejala atau merupakan kontak kepada kes yang positif**. Sekiranya didapati positif sama ada melalui ujian RT-PCR atau RTK Antigen, maklumkan kepada KKM melalui notifikasi sendiri (self-notification) di aplikasi MySejahtera atau Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran. Bawa keputusan ujian dan hadir ke COVID-19 Assessment Centre (CAC) yang berdekatan di negeri anda untuk penilaian lanjut. Untuk senarai terkini CAC rujuk: <http://covid-19.moh.gov.my/hotline>
- e. Sekiranya dibenarkan untuk menjalani *Home Surveillance Order* (HSO), patuhilah segala peraturan. Jangan bercampur dengan ahli keluarga atau keluar dari rumah dalam tempoh ini. Anda berisiko menjangkiti orang lain. Sekiranya kesihatan anda merosot, hubungi perkhidmatan kecemasan segera.
- f. Lindungilah ahli keluarga kita terutamanya warga emas dan mereka yang berisiko tinggi. Sekiranya mereka tidak sihat, dapatkan bantuan kecemasan.

3. Tindakan kesiapsagaan KKM:

- a. Terus menjalankan lebih ujian di lapangan:
- Saringan COVID-19 telah menunjukkan pertambahan yang mendadak di mana purata ujian (RT-PCR dan

RTK-Ag) harian hanyalah sebanyak 63,925 ujian sebelum 14 Mei 2021 berbanding purata ujian harian bagi tempoh 23 Mei 2021 hingga 29 Mei 2021 iaitu sebanyak 91,608 ujian (pertambahan sebanyak 30.2 peratus).

- Penggunaan Ujian *Rapid Test Kit-Antigen* (RTK-Ag) sebagai ujian saringan COVID-19 membantu bagi mengesan wabak COVID-19 dengan cepat dalam jumlah yang besar selain penyumberluaran ujian saringan COVID-19 ke makmal swasta.

b. Meningkatkan jumlah katil di hospital COVID-19 dan hospital hybrid COVID-19

- Ini dilaksanakan dengan mengenalpasti lebih banyak ruang di dalam hospital untuk ditukar fungsi (repurpose) sebagai katil ICU dan menyediakan peralatan perubatan serta kelengkapan lain yang diperlukan.
- Hospital Medan ICU di Hospital Kepala Batas serta cadangan pengambilalihan sementara Hospital Pakar Kanak-kanak UKM juga adalah antara langkah meningkatkan kapasiti ICU.
- Kerjasama dengan NGO bantuan perubatan untuk membuka lebih banyak ICU mengikut kesesuaian kawasan dan keperluan setempat.

- Jumlah and peratus penggunaan katil di hospital COVID-19 dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (data sehingga 29 Mei 2021):
 - i. PKRC: 27,183 katil (65 peratus penggunaan)
 - ii. Hospital COVID-19: 10,190 (85 peratus penggunaan)
 - iii. Katil ICU: 1,698 katil (88 peratus penggunaan)
 - iv. Katil ICU untuk COVID-19: 1,113 katil (104 peratus penggunaan)
 - v. Ventilator: 2,138 (60 peratus penggunaan keseluruhan, 39 peratus penggunaan for COVID-19)

c. Meningkatkan sumber manusia bagi kegunaan di semua fasiliti di atas:

- Sumber tenaga manusia merupakan antara cabaran utama dan ramai anggota telah pun dimobilisasi untuk menjalankan lain-lain fungsi dalam pengurusan pandemik ini. Anggota KKM daripada pelbagai kategori termasuklah pakar bedah di beberapa hospital telah pun dimobilisasi untuk perawatan pesakit COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Mei 2021 @ 5:00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 30 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,477 (1)	184,815
SABAH	190	62,037
WP KUALA LUMPUR	616 (1)	58,267
JOHOR	433	57,894
SARAWAK	513	46,675
PULAU PINANG	248	28,298
KELANTAN	612	27,093
NEGERI SEMBILAN	468 (2)	26,052
PERAK	212	20,379
KEDAH	422	18,445
MELAKA	202	11,734
PAHANG	239	9,358
TERENGGANU	214	8,567
WP LABUAN	133	3,556
WP PUTRAJAYA	13	1,864
PERLIS	7	499
JUMLAH KESELURUHAN	6,999 (4)	565,533

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 79 kes kematian pada 30 Mei 2021 adalah seperti berikut:

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2651	Sarawak	Lelaki	WN	73	Hospital Bintulu	Kencing manis, darah tinggi, paru-paru, gout, jantung, dan penyakit hati kronik
2652	Selangor	Lelaki	WN	33	Hospital Ampang	<i>Multiple myeloma</i>
2653	Sarawak	Lelaki	WN	75	Hospital Sibul	Darah tinggi, dan kanser
2654	Selangor	Lelaki	WN	74	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
2655	Selangor	Perempuan	WN	74	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan jantung
2656	Johor	Lelaki	WN	70	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi dan dislipidemia
2657	Pulau Pinang	Lelaki	WN	73	Hospital Lam Wah Ee, Pulau Pinang	-
2658	Kedah	Lelaki	WN	76	Hospital Kuala Nerang	Strok
2659	Kedah	Perempuan	WN	68	Hospital Kuala Nerang	Kencing manis
2660	Sabah	Perempuan	WN	74	Hospital Lahad Datu	-
2661	WP Kuala Lumpur	Lelaki	WN	76	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	<i>Pituitary microadenoma</i> , darah tinggi, dan <i>spinal stenosis</i>
2662	Melaka	Lelaki	WN	59	Hospital Melaka	Darah tinggi dan buah pinggang kronik
2663	Selangor	Perempuan	WN	54	Hospital Ampang	Leukemia
2664	Johor	Perempuan	WN	79	Hospital Mersing	Darah tinggi

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2665	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	51	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, gout, <i>Obstructive sleep apnoea</i> , penyakit hati, dan dislipidaemia
2666	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	70	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2667	Kedah	Perempuan	WN	52	Hospital Kuala Nerang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
2668	Terengganu	Lelaki	WN	78	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis dan darah tinggi
2669	Selangor	Perempuan	WN	72	Institut Kanser Negara	Kencing manis dan kanser
2670	Selangor	Lelaki	WN	58	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
2671	Selangor	Lelaki	WN	72	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2672	Johor	Lelaki	WN	61	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2673	Negeri Sembilan	Perempuan	WN	63	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Dislipidemia
2674	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	49	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi
2675	Kedah	Lelaki	WN	62	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis
2676	Selangor	Lelaki	WN	72	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
2677	Sabah	Perempuan	WN	72	Hospital Lahad Datu	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2678	Pulau Pinang	Perempuan	WN	73	Hospital Kepala Batas	Darah tinggi
2679	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	79	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan strok

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2680	Kedah	Lelaki	WN	73	Hospital Kuala Nerang	Darah tinggi dan jantung
2681	Kedah	Perempuan	WN	33	Hospital Kulim	Darah tinggi dan dislipidemia
2682	Melaka	Perempuan	WN	70	Hospital Melaka	Darah tinggi, gout, dan dislipidemia
2683	Terengganu	Perempuan	WN	83	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2684	Selangor	Perempuan	WN	69	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
2685	Johor	Lelaki	WN	68	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan strok
2686	Negeri Sembilan	Perempuan	WN	46	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
2687	Melaka	Perempuan	WN	84	Hospital Melaka	Darah tinggi dan dislipidemia
2688	Selangor	Lelaki	WN	80	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2689	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	78	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Parkinson dan gout
2690	Kedah	Lelaki	WN	84	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Tiroid dan <i>benign prostatic hyperplasia</i>
2691	Kedah	Lelaki	WN	87	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dyslipidemia, dan buah pinggang kronik
2692	Kedah	Perempuan	WN	78	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Darah tinggi, paru-paru, dan dislipidemia
2693	Kedah	Perempuan	WN	73	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis dan darah tinggi
2694	Kedah	Perempuan	WN	70	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Dislipidemia

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2695	Terengganu	Perempuan	WN	84	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis dan darah tinggi
2696	WP Kuala Lumpur	Lelaki	WN	69	Hospital Ampang	<i>Multiple myeloma</i>
2697	Kedah	Perempuan	WN	62	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis dan strok
2698	WP Labuan	Lelaki	WN	54	Hospital Labuan	Obesiti, kencing manis, dan darah tinggi
2699	Selangor	Perempuan	WN	63	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan dislipidemia
2700	WP Kuala Lumpur	Lelaki	WN	73	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
2701	Sarawak	Perempuan	WN	83	Jenazah dibawa ke Hospital Umum Sarawak, Kuching	Darah tinggi
2702	Kedah	Lelaki	WN	66	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Buah pinggang kronik dan strok
2703	Selangor	Perempuan	WN	84	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
2704	Selangor	Perempuan	WN	71	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi
2705	Selangor	Lelaki	WN	57	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis dan darah tinggi
2706	Johor	Lelaki	WN	52	Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
2707	Johor	Lelaki	WN	51	Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu	Kencing manis, paru-paru, dan obesiti

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2708	Negeri Sembilan	Perempuan	WN	53	Jenazah dibawa ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Kencing manis
2709	Melaka	Lelaki	WN	71	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	-
2710	Pahang	Lelaki	WN	64	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Kencing manis dan darah tinggi
2711	Terengganu	Lelaki	WN	67	Hospital Kemaman	Kencing manis, darah tinggi, dan kanser
2712	Selangor	Lelaki	WN	38	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, gout, dan buah pinggang kronik
2713	Johor	Lelaki	WN	75	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu	-
2714	Johor	Lelaki	WN	74	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan <i>hypothyroidism</i>
2715	Johor	Lelaki	WN	61	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu	-
2716	Johor	Lelaki	WN	57	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
2717	Johor	Lelaki	WN	57	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis dan buah pinggang kronik
2718	Pulau Pinang	Perempuan	WN	80	Jenazah dibawa ke Hospital Pulau Pinang	-
2719	Pulau Pinang	Perempuan	WN	82	Hospital Pulau Pinang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
2720	Pulau Pinang	Perempuan	WN	56	Hospital Seberang Jaya	-
2721	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	85	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung

NO. KEMATIAN	NEGERI	JANTINA	WARGA-NEGARA	UMUR (TAHUN)	HOSPITAL	LATAR BELAKANG PENYAKIT
2722	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	82	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan strok
2723	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	80	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
2724	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	66	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi
2725	Negeri Sembilan	Perempuan	WN	62	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, dan darah tinggi
2726	Negeri Sembilan	Lelaki	WN	49	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik
2727	Negeri Sembilan	Perempuan	WN	47	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis
2728	Perak	Lelaki	WN	76	Hospital Teluk Intan	-
2729	Johor	Perempuan	BWN	43	Jenazah dibawa ke Hospital Kulai	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 6,999 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 30 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2477	83	1,707	1	686
WP KUALA LUMPUR	616	201	292	1	122
KELANTAN	612	116	379	-	117
SARAWAK	513	5	399	-	109
NEGERI SEMBILAN	468	198	213	2	55
JOHOR	433	92	236	-	105
KEDAH	422	16	279	-	127
PULAU PINANG	248	54	90	-	104
PAHANG	239	57	127	-	55
TERENGGANU	214	46	138	-	30
PERAK	212	35	130	-	47
MELAKA	202	45	137	-	20
SABAH	190	43	101	-	46
WP LABUAN	133	74	26	-	33
WP PUTRAJAYA	13	-	11	-	2
PERLIS	7	-	6	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	6,999	1,065	4,271	4	1,659

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 30 MEI 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Jalan Kasuarina	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Gombak	51	150
2	Balakong Batu Dua Belas	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	29	110
3	Perindustrian Batu Caves	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	50	97
4	Taman Industri Pelabuhan	Tempat Kerja	Perak	Manjung	13	109
5	Lorong Jelawat Dua	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	10	1,001
6	Industri Diah	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	131	468
7	Jalan Veterinari	Komuniti	Pulau Pinang	Timur Laut	35	172
8	Kampung Tanjong Chenok	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	13	28
9	Taman Wahyu	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	22
10	Jalan Sri Putri 11	Komuniti	Johor	Kulai	11	63
11	Gerigat	Komuniti	Sarawak	Kabong dan Betong	20	358
12	Sungai Parik	Komuniti	Sarawak	Sri Aman dan Lubok Antu	24	130
13	Sungai Ular	Komuniti	Terengganu	Hulu Terengganu	20	85
14	Kampung Pagi	Keagamaan	Pahang	Jerantut	10	76
15	Jalan Laksamana Tiga	Keagamaan	Johor	Johor Bahru	15	49
16	Kolej Bunga Raya	Pendidikan Tinggi	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	10	67
17	Desa Melawati	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Titivangsa	16	31

